

BANK SOALAN KBAT

(Unit 1 - Unit 3)

1. Encik Zul membeli 5 kotak pen. Dia membungkus semula kesemua pen yang dibeli ke dalam peket-paket yang lebih kecil yang mengandungi 4 batang pen setiap satu. Jika dia membungkus kesemua pen itu ke dalam 50 peket, hitung bilangan pen di dalam sebuah kotak.  **KBAT** Mengaplikasi

2. Sebuah bekas mengandungi 80 biji gula-gula. 20 biji daripada gula-gula itu berperisa epal dan bakinya berperisa oren dan anggur.  **KBAT** Menganalisis
- (a) Hitung pecahan gula-gula yang bukan berperisa epal.

- (b) Jika bilangan gula-gula berperisa oren dan anggur adalah sama, hitung peratusan gula-gula berperisa oren yang terdapat di dalam bekas itu.


3. Jadual di bawah menunjukkan jisim dua bahan yang dibeli oleh Puan Veena untuk membuat biskut.



Bahan	Jisim
Tepung	0.8 kg
Gula	350 g kurang daripada tepung

- (a) Hitung jisim, dalam g, gula yang dibeli oleh Puan Veena.
- (b) Jisim gula yang diperlukan untuk membuat biskut itu ialah separuh daripada jisim tepung. Jika Puan Veena ingin menggunakan kesemua tepung yang ada, adakah kuantiti gula yang dibeli mencukupi?

4.



Rajah menunjukkan harga bagi sebuah mesin pencetak. Harga bagi sebuah komputer adalah bersamaan dengan harga 6 buah mesin pencetak.



- (a) Sebuah syarikat telah membeli 10 buah komputer. Berapakah jumlah pembelian syarikat itu?

- (b) Syarikat tersebut memperuntukkan RM1 500 untuk membeli mesin pencetak dengan keadaan setiap 2 buah komputer akan disambungkan pada sebuah mesin pencetak. Adakah wang itu mencukupi? Buktikan.

5. Jadual di bawah menunjukkan harga bagi lima jenis perabot.  **KBAT** Menilai

Perabot	Harga
Katil	RM1 999
Meja makan	RM1 295
Rak buku	RM415
Sofa	RM2 199
Almari	RM995

- (a) Puan Lina membeli tiga jenis perabot dengan harga RM4 489. Jika dua daripadanya ialah set meja makan dan almari, apakah perabot ketiga yang dibeli olehnya?
- (b) Puan Lina membayar RM439 sebagai wang pendahuluan dan bakiya dibayar secara ansuran selama 5 bulan. Berapakah ansuran bulanan yang dibayar olehnya?